



## LAWATAN RASMI PRESIDENT BOARD OF AUDIT OF JAPAN

### 1. Pendahuluan

Jabatan Audit Negara (JAN) telah menerima lawatan sambil belajar delegasi dari *Board of Audit of Japan* (BOA) pada 26 Julai 2017. Delegasi ini diketuai H.E Mr. Teruhiko Kawato, *President Board of Audit of Japan* dan 3 orang pegawai iaitu Mr. Masaaki Koike, *Personal Secretary to the President*, Mr. Masaaki Tanino, *Senior Director, Research and International Division* dan Ms. Akiko Kume, *Interpreter* (Japanese – English).

### 2. Tujuan Lawatan

Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari dan menambahkan ilmu pengetahuan serta pemahaman mengenai perkara berikut:-.

- Memahami fungsi, tugas dan tanggungjawab JAN Malaysia;
- Penglibatan JAN Malaysia dalam aktiviti ASOSAI;
- Berkongsi pengalaman dan pelaksanaan menjalankan pengauditan pengurusan kewangan Akauntabiliti Indeks;
- Perancangan program untuk melaksanakan pengauditan *Sustainable Development Goals* (SDGs)
- Peranan Akademi Audit Negara dalam memberikan perkhidmatan mengadakan kursus dalaman dan luaran yang melibatkan perbelanjaan utiliti, pengurusan asrama, dan program latihan; dan
- Hal-hal lain yang boleh dijadikan panduan dan berkongsi pengalaman diantara JAN Malaysia dan BOA, Jepun.

### 3. Program Lawatan Rasmi

#### 3.1 Sesi Penerangan

Program lawatan rasmi ini bermula pada 26 Julai 2017 dengan sesi lawatan kunjungan hormat kepada YBhg Tan Sri Dr. Ketua Audit Negara. Sesi dimulakan dengan sesi pengenalan dan suaikenal diantara pegawai JAN dan BOA, Jepun.



Lawatan kunjungan hormat Presiden BOA, Jepun bersama YBhg Tan Sri Dr. Ketua Audit Negara, Malaysia dan turut serta pada sesi ini pegawai kanan JAN



Sesi pengenalan pegawai JAN Malaysia dan BOA, Jepun

Program dimulakan dengan sesi penerangan yang disampaikan oleh Encik Raja Sunthara Kannan A/L Dato' Raja Gopal, Timbalan Pengarah Audit, Sektor Audit Prestasi mengenai pendekatan dan pelaksanaan pengauditan *Sustainable Development Goals* (SDGs). Program seterusnya disampaikan oleh YBrs Encik Zaaba Bin Zainuddin, Pengarah Bahagian II, Sektor Audit Kewangan mengenai pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti.



YBhg Tan Sri Dr. Ketua Audit Negara Malaysia dan H.E Mr. Teruhiko Kawato, Presiden *Board of Audit of Japan* saling bertukar cenderamata.

### 3.2 Lawatan Ke Akademi Audit Negara

Seterusnya program ke Akademi Audit Negara (AAN) dan sesi penerangan telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Masiah binti Ahmad Pengarah Akademi Audit Negara mengenai latar belakang penubuhan AAN, kemudahan fasiliti AAN, Bajet, kadar yuran, pengurusan asrama, penyenggaraan dan perkhidmatan kawalan keselamatan. Lawatan fizikal juga telah dilakukan dengan melawat bilik kuliah dan kemudahan di persekitaran AAN. Disamping itu H.E Mr. Teruhiko Kawato diberi peluang menanam pokok buah-buahan sebagai tanda penghormatan dari AAN.



Sesi penerangan mengenai aktiviti AAN yang disampaikan oleh YBrs Dr. Masiah Ahmad Pengarah AAN



Sesi bergambar bersama pegawai JAN dan delegasi BOA, Jepun

## LAWATAN PRESIDENT BOARD OF AUDIT OF JAPAN



Delegasi BOA, Jepun dibawa melawat ke bilik kuliah AAN



Presiden BOA, Jepun diberi penghormatan menanam pokok buah-buahan di AAN

### 3.3 Program Sosial

Bagi program lawatan sosial Delegasi BOA, Jepun telah dibawa melawat ke sekitar Putrajaya. Program ini telah diketuai oleh Tuan Hj. Roslan Abu Bakar Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan, Korporat Dan Hubungan Antrabangsa. Delegasi BOA, Jepun telah dibawa melawat ke Masjid Putra, Perdana Putra, Jabatan Audit Negara, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dan Marina Putrajaya.



Program lawatan Putrajaya yang diketuai Tn. Hj Roslan Abu Bakar bersama delegasi BOA, Japan

### 4. Kesimpulan

Pertemuan antara JAN Malaysia dan BOA, Jepun akan mengeratkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara serta dapat menambahkan pengalaman dan mempelajari kaedah melaksanakan pengauditan dan pengurusan latihan di AAN.